

Penyuntingan

Dalam petikan 1, terdapat enam kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Sejak zaman-berzaman, generasi tua terasuh dengan budaya dan adat sopan yang menitikberatkan nilai-nilai budi di dalam setiap perbuatan dan perbualan. Mereka sentiasa meletakkan budi bahasa sebagai kelengkapan kehidupan berhemah. Budi bahasa lazimnya merujuk pada tutur kata, kelakuan dan sopan santun yang meliputi akhlak mulia. Untuk menyuburkan amalan yang mulia ini, kerajaan melancarkan kempen budi bahasa. Justeru, kesedaran sivik masyarakat umum mestilah ditingkatkan oleh semua pihak-pihak untuk melahirkan warga negara yang berhemah tinggi.

[6 markah]

Salah	Betul

Petikan 2

Aiman, pada pendapat anda, apakah persediaan-persediaan bagi seseorang murid dengan menempuh alam pekerjaan?



Pada pendapat saya, antara persediaan-persediaan untuk menempuh alam pekerjaan ialah seseorang murid memerlukan kelayakan akademik yang tertinggi sekali.



Betul. kelayakan akademik menjadi pra syarat bagi murid membuat persediaan awal.



Tahap pelajaran yang diperlukan berbeza-beza berdasarkan pekerjaan tertentu.



[5 markah]

Salah	Betul